

PROTOKOL PENYELESAIAN KES GANGGUAN SEKSUAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 2009*

(*Diluluskan di Mesyuarat Exco Universiti Sains Malaysia, 27 September 2009)

BAHAGIAN I

1. Latarbelakang dan pemakaian Protokol

- (1) Protokol ini memperuntukkan garis panduan dan peraturan berkaitan proses penyelesaian kes gangguan seksual di Universiti Sains Malaysia.
- (2) Protokol ini terpakai kepada semua orang yang mempunyai bentuk hubungan berikut dengan Universiti Sains Malaysia:
 - a) Seseorang yang memasuki hubungan pekerjaan dengan Universiti Sains Malaysia secara yang sah dan boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang
 - b) Seseorang yang mempunyai hubungan yang sah dengan Universiti Sains Malaysia untuk tujuan pembelajaran, latihan atau perantisan
 - c) Seseorang yang dilantik secara sah untuk memegang jawatan awam atau jawatan berasaskan statut di Universiti Sains Malaysia
 - d) Seseorang yang memasuki kontrak untuk memberi khidmat (*contract for service*) dengan Universiti Sains Malaysia
 - e) Seseorang yang bekerja secara sah dengan orang yang memasuki kontrak untuk memberi khidmat (*contract for service*) dengan Universiti Sains Malaysia
 - f) Seseorang pelawat yang mempunyai urusan yang sah dengan Universiti Sains Malaysia
 - g) Seseorang pelawat yang berada di premis universiti secara sah dan termasuk orang yang menerima khidmat secara sah dari mana-mana pusat tanggungjawab Universiti Sains Malaysia
 - h) Bagi tujuan universiti mengenakan atau membawa tindakan undang-undang terhadap seseorang, mana-mana orang yang berada di premis universiti secara sah atau tidak sah.

2. Tafsiran

Dalam protokol ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain –

“Dasar Gangguan Seksual USM” ertinya Dasar Universiti Tentang Gangguan Seksual yang diterima pakai oleh Universiti Sains Malaysia sebagai asas dalam membasmi dan menangani gangguan seksual di kampus.

“Gangguan seksual” ertinya sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini oleh mangsa dan memberi kesan kepada mangsa sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal –

- a) yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh mangsa sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaan, pembelajaran atau urusannya; atau
- b) yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh mangsa sebagai satu pencabulan maruah, atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan secara langsung dengan pekerjaan, pembelajaran atau urusannya.

“Tingkahlaku berunsur seksual” yang dilakukan oleh pengganggu terhadap mangsa termasuklah, tetapi tidak terhad kepada -

- a) menyentuh mangsa secara fizikal
- b) memaksa keintiman berunsur seksual terhadap mangsa
- c) secara verbal atau dengan tulisan, membuat pernyataan atau komunikasi yang mempunyai unsur-unsur seksual terhadap mangsa atau tentang mangsa semasa kehadirannya atau dalam keadaan yang pernyataan atau komunikasi itu boleh disampaikan kepada mangsa dengan apa cara sekalipun
- d) membuat pergerakan atau tindakan yang berunsur seksual terhadap mangsa atau tentang mangsa semasa kehadiran mangsa atau dalam keadaan yang pergerakan atau tindakan itu boleh disampaikan kepada mangsa dengan apa cara sekalipun

“Mangsa” ertinya orang yang mempercayai dia mengalami gangguan seksual, dengan syarat bahawa orang ini mestilah mempunyai kaitan dengan Universiti Sains Malaysia dalam konteks berikut:

- a) Dia seorang yang memasuki hubungan pekerjaan dengan Universiti Sains Malaysia secara yang sah dan boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang
- b) Dia seorang yang mempunyai hubungan yang sah dengan Universiti Sains Malaysia untuk tujuan pembelajaran, latihan atau perantisan
- c) Dia seorang yang dilantik secara sah untuk memegang jawatan awam atau jawatan berasaskan statut di Universiti Sains Malaysia
- d) Dia seorang yang memasuki kontrak untuk memberi khidmat (*contract for service*) dengan Universiti Sains Malaysia
- e) Dia seorang yang bekerja secara sah dengan orang yang memasuki kontrak untuk memberi khidmat (*contract for service*) dengan Universiti Sains Malaysia
- f) Dia seorang pelawat yang mempunyai urusan yang sah dengan Universiti Sains Malaysia
- g) Dia seorang pelawat yang berada di premis universiti secara sah dan termasuk orang yang menerima khidmat secara sah daripada mana-mana pusat tanggungjawab Universiti Sains Malaysia

“Pengganggu” ertinya orang yang dikatakan mengganggu mangsa secara seksual dengan syarat bahawa orang ini mestilah mempunyai kaitan dengan Universiti Sains Malaysia dalam konteks berikut:

- a) Dia seorang yang memasuki hubungan pekerjaan dengan Universiti Sains Malaysia secara sah dan boleh dikuatkuaskan oleh undang-undang
- b) Dia seorang yang mempunyai hubungan yang sah dengan Universiti Sains Malaysia untuk tujuan pembelajaran, latihan atau perantisan
- c) Dia seorang yang dilantik secara sah untuk memegang jawatan awam atau jawatan berasaskan statut di Universiti Sains Malaysia
- d) Dia seorang yang memasuki kontrak untuk memberi khidmat (*contract for service*) dengan Universiti Sains Malaysia
- e) Dia seorang yang bekerja secara sah dengan orang yang memasuki kontrak untuk memberi khidmat (*contract for service*) dengan Universiti Sains Malaysia
- f) Dia seorang pelawat yang mempunyai urusan yang sah dengan Universiti Sains Malaysia
- g) Dia seorang pelawat yang berada di premis universiti secara sah dan termasuk orang yang menerima khidmat secara sah daripada mana-mana pusat tanggungjawab Universiti Sains Malaysia
- h) Dia seorang yang berada di premis universiti secara tidak sah atau secara tanpa kebenaran daripada pihak Universiti Sains Malaysia

“Jawatankuasa Teras Tentang Gangguan Seksual” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Bahagian II Protokol ini

“Jawatankuasa Mediasi” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV Protokol ini

“Kaunseling” [mengambil pakai definisi Akta Kaunselor 1998] ertinya suatu proses sistematik untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai suatu perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang holistik, baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan, kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan dalam diri klien

“Kaunselor” [bagi tujuan Dasar Gangguan Seksual USM] ertinya seorang yang bertindak secara profesional menawarkan khidmat kaunseling, termasuklah kaunselor berdaftar yang diberi bidangkuasa dan tanggungjawab menawarkan khidmat kaunseling; ahli akademik yang, walaupun bukan kaunselor berdaftar, mempunyai kelayakan dan latihan yang setara dengan kelayakan dan latihan yang diterima oleh seorang kaunselor berdaftar (termasuklah tetapi tidak terhad kepada ahli akademik yang berkelayakan dan terlatih dalam bidang Psikiatri, Psikologi Klinikal dan Kerja Sosial)

“Kerahsiaan’ ertinya prinsip etika yang mesti dipatuhi oleh seseorang pemberi khidmat, berkaitan dengan penggunaan maklumat yang diperolehi daripada kliennya. Untuk tujuan Protokol ini, prinsip kerahsiaan diamalkan dengan memastikan sesuatu maklumat yang diperolehi oleh seorang pegawai universiti daripada seorang mangsa gangguan seksual atau melalui proses-proses penyesaian yang terkandung dalam Protokol ini, tidak dikongsi dengan

pihak ketiga kecuali jika pihak ketiga tersebut mempunyai autoriti, melalui undang-undang, untuk mempunyai akses kepada maklumat tersebut. Dalam keadaan sedemikian, perkongsian maklumat mestilah dibuat dengan pengetahuan klien dan berdasarkan ‘keperluan-untuk-tahu’ (*need-to-know basis*) sahaja.

“Lembaga Tatatertib Universiti” ertinya Jawatankuasa Tatatertib Universiti yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab membuat keputusan tentang kes tatatertib di universiti dan yang ditubuhkan mengikut seksyen 6 dan 7 dan Peraturan 1, Bahagian 1, Jadual Ketiga, Akta Badan-badan Berkanun (Disiplin dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

“Mediasi” ertinya satu proses penyelesaian konflik melalui ‘rundingan yang dibantu’ (*assisted/ facilitated negotiation*) yang bertujuan mencapai sesuatu persetujuan atau perjanjian

“Mediator” untuk tujuan Protokol ini, ertinya seorang ahli Jawatankuasa Mediasi yang dilantik oleh Naib Canselor untuk mengendalikan kes gangguan seksual pada sesuatu masa

“Prosedur Kilanan” ertinya prosedur penyelesaian kes berasaskan prosedur kes tatatertib sedia ada di Universiti Sains Malaysia tetapi mengambil kira situasi spesifik dalam isu gangguan seksual

“Siasatan dalaman gangguan seksual” ertinya proses yang berasaskan kepada siasatan dalaman yang biasa dilakukan untuk kes tatatertib tetapi untuk tujuan Protokol ini, siasatan yang memfokus kepada dan mengambil kira isu spesifik dalam kes gangguan seksual

“Unit Perundangan” ertinya Unit Perundangan di bawah Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA TERAS TENTANG GANGGUAN SEKSUAL

3. Penubuhan Jawatankuasa Teras

Maka adalah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang hendaklah dikenali sebagai “Jawatankuasa Teras Tentang Gangguan Seksual” atau dengan singkatan “Jawatankuasa Teras”.

4. Ahli-ahli Jawatankuasa Teras

(1) Ahli-ahli Jawatankuasa Teras dilantik oleh Naib Canselor dalam kalangan pegawai universiti, seperti yang berikut:

- a) Pengarah Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA), yang akan bertindak sebagai Pengurus Jawatankuasa Teras.

- b) 12 orang ahli yang lain yang dilantik daripada kalangan pegawai akademik dan pentadbiran universiti.

(2) Ahli-ahli Jawatankuasa Teras menjadi ahli selama tempoh dua tahun bagi setiap perlantikan. Naib Canselor berhak melantik semula ahli yang tempoh perlantikannya telah tamat.

5. Fungsi Jawatankuasa Teras

Fungsi Jawatankuasa Teras ialah –

- (a) menerima aduan kes gangguan seksual daripada mangsa
- (b) jika mangsa memerlukan, membantu mangsa mendapatkan rawatan perubatan atau khidmat kaunseling akibat daripada gangguan seksual yang dialaminya
- (c) menerangkan pilihan-pilihan prosedur yang boleh dipohon oleh mangsa dalam menangani kes
- (d) Merujuk kes ke proses Mediasi jika mangsa memilih proses ini
- (e) Merujuk kes ke Prosedur Kilanan jika mangsa memilih proses ini
- (f) Menguruskan rekod aduan gangguan seksual
- (g) Memberi penerangan dan taklimat daripada masa ke semasa kepada Lembaga Tatatertib Universiti tentang isu-isu dalam kes gangguan seksual
- (h) Memberi penerangan dan taklimat daripada masa ke semasa kepada Naib Canselor tentang isu-isu dalam kes gangguan seksual
- (i) Berusaha memastikan prinsip kerahsiaan yang tinggi diamalkan apabila menerima kes gangguan seksual.
- (j) Memberi penerangan dan taklimat tentang proses penyelesaian kes gangguan seksual kepada warga kampus
- (k) Daripada masa ke semasa dan dengan kerjasama Jawatankuasa Mediasi, mengatur program latihan berkaitan mediasi untuk membina kapasiti Jawatankuasa Mediasi
- (l) Menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan usaha membasmi gangguan seksual di universiti.

BAHAGIAN III

PROSEDUR KILANAN

6. Akses kepada Prosedur Kilanan

(1) Seorang mangsa mestilah mempunyai akses kepada Prosedur Kilanan dengan syarat dia tidak, pada masa yang sama, mengakses atau sedang mengikuti proses mediasi.

(2) Seorang mangsa boleh mendapat akses ke Prosedur Kilanan secara terus dengan membuat representasi kepada Unit Perundangan Universiti.

(3) Jawatankuasa Teras Gangguan Seksual, Jawatankuasa Mediasi atau mana-mana pegawai universiti boleh membuat representasi ke Prosedur Kilanan bagi pihak mangsa hanya dengan persetujuan mangsa tersebut.

7. Proses dalam Prosedur Kilanan

(1) Untuk tujuan Protokol ini, Unit Perundangan adalah jabatan yang bertanggungjawab menerima representasi untuk mengakses Prosedur Kilanan kes gangguan seksual.

(2) Selepas menerima representasi berkaitan kes gangguan seksual, Unit Perundangan mestilah menjalankan siasatan mengikut prosedur siasatan dalaman yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan tempat kerja atau peraturan-peraturan lain yang berkaitan.

(3) Unit Perundangan hendaklah menyediakan satu laporan hasil siasatan dalaman setelah siasatan itu selesai dan menyerahkan laporan tersebut kepada Lembaga Tatatertib Universiti.

(4) Setelah mendapat hasil laporan siasatan dalaman kes gangguan seksual, Lembaga Tatatertib Universiti hendaklah menjalankan proses pendengaran kes untuk menentukan sama ada kes dibuktikan, mengikut peraturan-peraturan proses Lembaga Tatatertib Universiti yang telah ditetapkan.

(5) Jika kes dapat dibuktikan, Lembaga Tatatertib Universiti hendaklah menentukan bentuk hukuman terhadap pengganggu mengikut bidangkuasa yang telah ditetapkan kepadanya.

(6) Selepas Lembaga Tatatertib Universiti menetapkan kadar hukuman, pihak universiti dengan bantuan Unit Perundangan dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan, mestilah menguatkuasakan hukuman tersebut terhadap pengganggu yang didapati bersalah.

(7) Jika kes tidak dibuktikan, pihak universiti mestilah membatalkan semua bentuk penggantungan yang berkaitan dengan kerja orang yang dituduh sebagai pengganggu dan membenarkan orang itu untuk bekerja sepertimana sebelum penggantungan itu dibuat.

(8) Universiti Sains Malaysia tidak boleh dikenakan tindakan undang-undang atas apa juar keputusannya memerintahkan penggantungan berkaitan kerja terhadap orang yang dituduh sebagai pengganggu sementara menunggu keputusan kes gangguan seksual yang berkaitan, melainkan jika dibuktikan keputusan tersebut dibuat dengan niat tidak baik.

BAHAGIAN IV

JAWATANKUASA MEDIASI

8. Penubuhan Jawatankuasa Mediasi

Maka adalah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang hendaklah dikenali sebagai “Jawatankuasa Mediasi”.

9. Fungsi Jawatankuasa Mediasi

Fungsi Jawatankuasa Mediasi ialah –

- (a) Mengendalikan kes gangguan seksual yang dirujuk kepadanya menggunakan proses mediasi.
- (b) Merujuk kes ke Prosedur Kilanan atas permintaan mangsa, jika persetujuan atau perjanjian melalui mediasi tidak dapat dicapai.
- (c) Bersama-sama dengan Unit Perundangan, membantu mangsa dan pengganggu mendraf perjanjian yang dipersetujui melalui proses mediasi.
- (d) Memantau pematuhan perjanjian yang ditandatangani melalui proses mediasi.
- (e) Membincangkan dan mengusahakan daripada semasa ke semasa, penambahbaikan proses mediasi untuk tujuan menangani kes gangguan seksual di kampus.

10. Ahli-ahli JK Mediasi

(1) Ahli-ahli Jawatankuasa Mediasi mestilah terdiri daripada lima orang dan mestilah dilantik oleh Naib Canselor dalam kalangan pegawai universiti dengan mengambil kira bahawa pegawai tersebut menunjukkan kefahaman yang substantif tentang isu gangguan seksual dan/ atau dia mempunyai latihan yang sewajarnya berkaitan proses mediasi.

(2) Naib Canselor mestilah melantik seorang daripada Ahli Jawatankuasa Mediasi untuk bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Mediasi. Pengerusi Jawatankuasa Mediasi, dengan persetujuan Ahli-ahli Jawatankuasa Mediasi yang lain boleh menentukan peraturan-peraturan terperinci perjalanan proses mediasi dan pentadbiran Jawatankuasa Mediasi asalkan tidak bertentangan dengan peruntukan Protokol ini terutama dalam hal berkaitan fungsi dan bidangkuasa Jawatankuasa Mediasi.

(3) Ahli Jawatankuasa Mediasi dilantik untuk tempoh selama dua tahun. Naib Canselor berhak melantik semula ahli yang tempoh perlantikannya telah tamat.

11. Akses ke proses mediasi

(1) Seseorang mangsa mestilah mempunyai akses ke proses mediasi.

(2) Seseorang mangsa boleh mendapat akses kepada proses mediasi secara terus dengan menghubungi Jawatankuasa Mediasi atau mengaksesnya melalui Jawatankuasa Teras.

(3) Seseorang mangsa yang memilih proses mediasi tidak boleh menggunakan Prosedur Kilanan sehinggalah persetujuan atau perjanjian tidak dapat dicapai melalui proses mediasi.

12. Proses mediasi

- (1) Proses mediasi untuk kes gangguan seksual mestilah, sejauh mana yang boleh, mengikut prinsip dan amalan lazim dalam proses mediasi profesional.
- (2) Ahli Jawatankuasa Mediasi mestilah memastikan prinsip kerahsiaan yang tinggi diamalkan dalam proses mediasi pada setiap masa.
- (3) Apabila menerima aduan gangguan seksual dan mangsa bersetuju mengikuti proses gangguan seksual, Pengerusi Jawatankuasa Mediasi hendaklah melantik seorang ahli JK Mediasi sebagai mediator.
- (4) Hanya seorang ahli Jawatankuasa Mediasi yang akan bertindak sebagai mediator untuk sesuatu kes.
- (5) Apabila dilantik, seorang mediator mestilah memanggil pengganggu untuk mendapatkan persetujuannya terlibat dalam proses mediasi.
- (6) Jika pengganggu tidak bersetuju mengikuti proses mediasi, mediator mestilah menyampaikan keputusan itu kepada mangsa dan menerangkan tentang akses ke Prosedur Kilanan kepada mangsa.
- (7) Jika pengganggu bersetuju mengikuti prosedur mediasi, mediator mestilah meneruskan proses mediasi.
- (8) Jika persetujuan penyelesaian dicapai melalui proses mediasi, mediator, bersama-sama dengan Unit Perundangan, mestilah membantu mangsa dan pengganggu mendraf perjanjian bertulis tentang penyelesaian kes tersebut.
- (9) Selepas kedua-dua pihak menandatangi perjanjian penyelesaian kes, Jawatankuasa Mediasi hendaklah memantau pematuhan perjanjian tersebut.
- (10) Jika perjanjian dilanggar, pihak yang teraniaya boleh membuat representasi kepada Unit Perundangan dan Unit Perundangan mestilah mengenakan penalti yang ditetapkan terhadap pihak yang melanggar perjanjian.
- (11) Jika perjanjian dilanggar oleh pengganggu dengan melakukan lagi gangguan seksual, mangsa boleh mengakses Prosedur Kilanan untuk menyelesaikan kes.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

1. Penamatan keahlian

Keahlian seseorang dalam Jawatankuasa Teras atau Jawatankuasa Mediasi tamat jika –

- a) Keahliannya dibatalkan oleh Naib Canselor
- b) Ahli itu meletakkan jawatan
- c) Bagi ahli tetap Jawatankuasa Teras, ahli itu tidak lagi memegang jawatan yang melayakkannya menjadi ahli Jawatankuasa Teras
- d) Ahli itu bersara
- e) Ahli itu meninggal dunia

2. Pembatalan perlantikan

Naib Canselor berhak membatalkan mana-mana perlantikan di bawah Protokol ini jika pegawai yang dilantik didapati berkelakuan yang bertentangan dengan objektif, prinsip dan peruntukan Protokol ini.

3. Pengkhidmat awam

Seorang pegawai, anggota atau pekerja universiti yang dilantik oleh Naib Canselor untuk tujuan perlaksanaan Protokol ini hendaklah, semasa menjalankan tugasnya di bawah Protokol ini, disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

CARTA ALIRAN PROSES PENYELESAIAN KES GANGGUAN SEKSUAL

(ruj: *Protokol Proses Penyelesaian Kes Gangguan Seksual*)

